

KL ATCC beri impak positif kepada ekonomi

RH- 2/12/2021

Kemudahan di KLIA tingkat kecekapan khidmat trafik udara setanding negara maju

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Sepang: Pengoperasian Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini, tepat pada masanya selaras usaha yang sedang giat dilakukan bagi memulihkan ekonomi negara, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.


Perdana Menteri berkata, pembukaan semula sempadan negara kelak akan merancakkan lagi sektor penerbangan awam, sekaligus memberi kesan positif dengan hasil limpahan kepada ekonomi Malaysia.

“Melalui penyediaan sistem dan peralatan kawalan trafik udara yang baharu dan lebih efisien ini, ia secara langsung akan mempertingkatkan tahap kecekapan perkhidmatan trafik udara Malaysia setanding negara maju di dunia.

“Pertambahan jumlah pergerakan pesawat dan peningkatan kapasiti ruang udara terhasil daripada projek ini tentu akan memberi impak positif kepada ekonomi negara, terutama dalam sektor penerbangan awam,” katanya ketika berucap merasmikan Kompleks KL ATCC, di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, Kompleks KL ATCC bukan saja menempatkan operasi perkhidmatan trafik udara bagi seluruh ruang udara Semenanjung, malah turut menempatkan Pusat Mencari Dan Menyematkan Negara serta Pusat Koordinasi Pengurusan Ruang Udara Bersama (JAMCC).

Katanya, kejayaan itu sebahagian pencapaian Keluarga Malaysia yang amat membanggakan, malah dengan tenaga mahir tempatan digunakan dan ilmu ditimba sepanjang pelaksanaan



Ismail Sabri mencuba peralatan ketika meninjau bilik operasi utama KL ATCC sambil diperhatikan Ka Siong (kanan) dan Mohd Khairul Adib (kiri) di KLIA, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah /BH)

projek, tentu menjadi aset penting bagi memastikan Malaysia mampu berdiri sendiri dan seterusnya menyokong kemajuan serta pembangunan pelbagai industri lain.

“Kejayaan ini juga dilihat membolehkan perkhidmatan kawalan trafik udara negara kekal dikawal sepenuhnya oleh anak tempatan dalam persekitaran kerja yang kondusif.

“Ini turut membuktikan kepakaran dan kemahiran rakyat tempatan setanding kepakaran dan kemahiran asing, malah mungkin dalam sesetengah aspek jauh lebih baik,” katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, trend peningkatan semula sektor penerbangan dijangka pulih menjelang 2025 selepas industri penerbangan awam mengalami kemerosotan sangat ketara akibat COVID-19 yang turut menyebabkan penutupan sempadan antarabangsa.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee

Ka Siong, berkata KL ATCC baharu yang dilengkapi teknologi canggih, mampu memendekkan laluan penerbangan serta memberi penjimatan bahan api kepada syarikat penerbangan sehingga RM1 bilion setahun kerana pesawat tidak perlu lagi berlegar di ruang udara sebelum mendarat.

Katanya, KL ATCC baharu juga persiapan negara berdepan pasca pandemik COVID-19 menjelang 2025 dan semua yang terbabit akan menyesuaikan diri dengan kemudahan di situ serta membuktikan negara mempunyai pusat kawalan udara cekap dan boleh dijadikan contoh sehingga di rantau Pasifik.

Terdahulu dalam ucapannya, Ka Siong berkata, KL ATCC baharu berupaya meningkatkan pergerakan pesawat di KLIA dan klia2 kepada 108 pergerakan sejam menggunakan tiga landasan serentak berbanding hanya 84 pergerakan sejam menggunakan dua landasan sebelum ini.

Katanya, KL ATCC Subang se-

belum ini hanya mampu menampung kapasiti 38 pergerakan pesawat sejam di Lapangan Terbang Subang.

Dengan peningkatan dari segi kapasiti pergerakan pesawat itu, beliau menegaskan, ia bukan sahaja memberi kelebihan kepada sektor penerbangan di Malaysia bahkan mampu menjadi antara penyumbang sumber ekonomi kepada negara.

Ka Siong berharap kemudahan serba lengkap dan moden itu dapat membantu meningkatkan kecekapan petugas ATC untuk berdepan pelbagai situasi tidak menentu dalam sektor penerbangan di negara ini pada masa akan datang.

“ATC Malaysia juga akan dikenali sebagai ATC yang paling cekap serta mempunyai nama kuat,” katanya berharap ATC Malaysia dapat menjadi yang terbaik dari segi pematuhan peraturan serta mengamalkan sikap melakukan sesuatu dengan betul walaupun tiada yang melihat.